

Misteri kehilangan Zalina Azman

Telefon bimbit kali terakhir aktif 20 November 2021

Polis percaya
bekas pembaca
berita hilang
lebih awal
daripada tarikh
dilaporkan anak

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Polis mengesahkan
kali terakhir telefon bimbit Za-
lina Azman dilaporkan aktif pada 20

daripada tarikh dilaporkan.

“Kalau anaknya tidak cuba telefon, kita pun tidak tahu dia hilang. Berkemungkinan Zalina hilang lebih awal, tapi tidaklah awal sangat sebab kita sudah semak dan pada 20 November didapati telefonnya telah dimatikan (tiada rekod panggilan keluar atau masuk).

“Sama ada kerana sudah habis bateri, itu kita tidak dapat pastikan,” katanya kepada BERNAMA.

Terdahulu, beliau melakukan lawatan ke rumah wanita berusia 58 tahun itu bersama Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Saizun Datoh Yusoff Alifia Datoh Yusoff.

kerja yang pernah melakukan pengubahsuaian bagi membantu siasatan kes kehilangan Zalina itu.

“Kita masih menjalankan siasatan dan kini sedang mengesan pekerja yang terbabit dalam pengubahsuaian kediaman itu yang mungkin boleh membantu siasatan,” katanya.

Enam individu dipanggil

Beliau berkata, setakat ini enam individu dipanggil dan dirakam keterangan sejak laporan polis mengenai kehilangan itu dibuat.

Sebelum ini, Mohd Iqbal dilaporkan berkata Zalina dipercayai masih



Tinjauan sekitar kawasan rumah Zalina Azman di Seksyen 3, Shah Alam, kelmarin.
(Foto Faiz Anuar/BH)

lina Azman dikesan aktif pada 20 November tahun lalu, empat hari sebelum anak lelakinya cuba membuat panggilan kepada bekas pembaca berita TV3 itu.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim berkata, menerusi semakan dan siasatan dibuat, pihaknya percaya kemungkinan besar Zalina atau nama penuhnya Zalina Shaharah Azman hilang lebih awal

Senator Datuk Ras Adiba Radzi.

Polis kesan pekerja

Mohd Iqbal berkata, keadaan rumah Zalina didapati tidak tersusun disebabkan kediaman itu sedang dalam proses pengubahsuaian untuk dijadikan sebuah galeri.

Sementara itu, melalui satu kenyataan, beliau memaklumkan polis sedang mengesan pe-

kerja dalam negara susulan tiada pergerakan keluar memabitkan wanita itu yang dikesan pihak berkuasa setakat ini.

Polis menerima laporan kehilangan itu daripada anak lelaki Zalina, Mikhael Norman, 33, pada 29 November tahun lalu yang cuba menghubunginya sejak 24 November bagi memaklumkan datuk pengadu dimasukkan ke hospital, namun wanita itu tidak dapat dihubungi.

“Kita masih menjalankan siasatan dan kini sedang mengesan pekerja yang terbabit dalam pengubahsuaian kediaman itu yang mungkin boleh membantu siasatan.”

Mohd Iqbal Ibrahim,
Ketua Polis Daerah Shah Alam



Ras Adiba bersama Zalina ketika mereka bertemu sebelum kehilangan Zalina.
(Foto ihsan FB Ras Adiba Radzi)

Ras Adiba minta kerjasama syarikat e-hailing cari rakan

Shah Alam: Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Senator Datuk Ras Adiba Radzi akan mendapatkan kerjasama syarikat e-hailing untuk membantu mencari bekas pembaca berita TV3 yang hilang, Zalina Azman.

Tindakan itu selepas beberapa usaha mencari Zalina yang digerakkan sejak berita mengenai kehilangan rakan baiknya itu tersebar, sehingga kini belum membuahkan hasil.

“Saya bersama suami dan beberapa sahabat ada berusaha dengan cara tersendiri bagi mencari Zal (Zalina), tetapi selepas ini saya akan bersama syarikat e-hailing untuk mereka menguar-uarkan mengenai kehilangannya,” katanya kepada BERNAMA dan TV3.

Beliau ditemui ketika melakukan lawatan ke rumah Zalina atau nama sebenarnya Zalina Shaharah Azman di Seks-

yen 3, di sini, bersama Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim

“Saya datang hari ini nak periksa sekiranya Zal ada pulang, tetapi ternyata rumah ini sama seperti yang mereka jumpa tahun lalu.

“Kami akan terus berdoa supaya beliau masih selamat di luar sana,” katanya.

Beri maklumat kepada polis

Ras Adiba berkata, beliau ke Ibu Pejabat Polis Daerah Shah Alam pagi semalam bagi memberikan sedikit maklumat kepada pihak polis berkenaan wanita berusia 58 tahun itu.

Malah, beliau berharap sahabat lain juga dapat memberikan kerjasama supaya dapat mencari jawapan mengenai kehilangan bekas rakan sekerjanya itu.

“Ramai yang cakap sudah ter-

lalu lama (hilang) tapi bukan mudah untuk dapatkan jawapannya secepat mungkin kalau ada orang hilang.

“Namun dengan sokongan semua, insya Allah kita akan dapat sedikit maklumat di mana Zalina berada dan bagaimana keadaannya,” katanya.

Ras Adiba berkata, sepanjang mengenali Zalina dari awal 1990-an, rakannya itu tidak ada mengalami apa-apa sakit.

“Memang sentiasa gembira, tetapi kita boleh lihat daripada gambar yang dikongsi nampak badannya telah susut.

“Ramai tanya sakit apa (atau) adakah dia dalam kekusaran, tapi saya kata tidak tahu sebab saya pun sudah lama tak bertemu beliau seperti sahabat lain.

“Jadi mereka yang prihatin di luar sana bantulah sama-sama mencari Zalina Azman,” katanya.

BERNAMA